

# **Kids Football Fiesta UMS** **pada 31 Nov-1 Dis**

**Oleh VITALIS G.BINGKASAN**

utusanborneokk@gmail.com

UB 22.11.2013 AIS

KOTA KINABALU:

Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Pesta Bola Sepak Kanak-Kanak 2013 di Kompleks Sukan UMS pada 30 November-1 Disember depan.

Penyertaan program tahunan kelolaan Pusat Sukan UMS yang dinamakan 'Kids Football Fiesta 2013' tersebut kini dibuka.

Ia mempertandingkan acara tiga sebelah (3 on 3) untuk kategori bawah lapan dan 10 tahun serta lima sebelah untuk kategori bawah 12 tahun.

Kenyataan akhbar yang dikeluarkan Pusat Sukan UMS kelmarin memberitahu bahawa program itu memberi peluang kepada kanak-kanak merasai suasana pertandingan di samping menyemai minat serta mengalakkan kanak-kanak bermain bola sepak.

"Program seumpama ini adalah medan terbaik mencungkil bakat semulajadi

dan mengasah perkembangan potensi kanak-kanak.

"Semua pihak seperti akademi bola sepak, sekolah-sekolah rendah dan syarikat-syarikat dijemput menyertai kejohanan fiesta ini yang mampu membudayakan masyarakat untuk bersukan di samping membina jalinan silaturahim dan jati diri kanak-kanak agar berfikiran lebih kreatif," kata kenyataan akhbar tersebut.

Yuran penyertaan adalah RM30 untuk kategori 3 on 3 dan RM40 untuk kategori lima sebelah.

Borang-borang boleh diperolehi di Pejabat Pusat Sukan UMS (088-320000 Samb.3158) atau menghubungi Andrew Majanggim (0168441631) untuk kategori bawah 12 tahun, Rosmadih Wasli (0168250647) bagi kategori bawah 10 tahun dan Azman Soaibah (0168207479) untuk kategori bawah lapan tahun.

Keterangan lanjut juga boleh diperolehi dengan melayari laman Facebook 'Pusat Sukan UMS'.